

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

PENGGUNAAN ICT DALAM PEMBELAJARAN INTERAKSI LISAN

THE USE OF ICT IN THE LEARNING OF ORAL INTERACTION

Fazillah Binte Mohamed Ismail ¹
Tengku Nurhudah Bte T M Khalib ²

¹ Guru Bahasa Melayu, Unit Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Menengah Ping Yi, Singapura dan Pusat Bahasa Melayu Singapura, Singapura / Malay Language Teacher, Malay Language Unit, Ping Yi Secondary School, Singapore and Malay Language Centre Singapore, Singapore. Email: fazillah_mohd_ismail@schools.gov.sg

² Guru Bahasa Melayu, Unit Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Menengah Ping Yi, Singapura dan Pusat Bahasa Melayu Singapura, Singapura / Malay Language Teacher, Malay Language Unit, Ping Yi Secondary School, Singapore and Malay Language Centre Singapore, Singapore. Email: tengku_nurhudah_t_m@schools.gov.sg

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/68>

Abstrak

Sejak dasawarsa lalu, penggunaan alat-alat dan wadah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) menekankan penerapan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah. Beberapa kajian dan laporan telah menunjukkan kesan positif daripada penggunaan ICT dalam kelas pada hasil pembelajaran dan pencapaian pelajar. Selain itu, penggunaan ICT yang lebih meluas serta pendekatan menawarkan pilihan kepada pembelajaran pelajar dapat menggalakkan pembelajaran berarah sendiri, melatih pelajar menjadi lebih berdikari dan sekali gus meningkatkan pengetahuan dan motivasi intrinsik pelajar serta membina keyakinan diri. Bahkan, hal ini merupakan kemahiran abad ke-21 yang penting dan diperlukan. Kertas kerja ini akan membentangkan kaedah ‘rembat pendapat’ sebagai pendekatan alternatif PdP (dengan menggunakan beberapa wadah ICT) yang menyeronokkan dalam menggalakkan kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ‘rembat pendapat’ merupakan salah satu kaedah yang efektif bagi merangsang minat para pelajar terhadap pelajaran bahasa Melayu serta melahirkan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan para pelajar mengenai pelbagai isu yang berkaitan dengan budaya dan masyarakat Melayu.

Kata Kunci: Menawarkan pilihan, pembelajaran berarah sendiri, motivasi intrinsik, pemikiran kreatif dan kritis

Abstract

Advancements in the world of technology has certainly left positive impacts on the education industry. There have been many progressive changes in the way teaching and learning processes are delivered in classrooms. Research have shown that the effective of use of technology do produce commendable impacts on the learning processes that take place in class. The extensive use of technology offers variety of options for learning as well as it encourages self-directed learning. These in turn helps to inculcate the intrinsic motivation of learning and self-confidence among the students. As a result, these positive developments facilitates the drive towards the 21st Century skills which are highly demanded to be instilled in the hearts and minds of the students. In this research paper, we are attempting to adopt the approach of ‘Rembat Pendapat’ (Bash Your Comments) using various ICT tools as platforms and as an interesting alternative approach to deliver the teaching and learning processes of good and critical communication skills. The findings of the research on this teaching and learning approach have shown that students do benefit to a great extent of this learning journey as it facilitated effectively the process of critical and creative thinking among them in understanding the various cultural and societal issues that were used as basis of discussions in the teaching processes.

Keywords: Offers variety of options for learning, self-directed learning, intrinsic motivation, creative and critical thinking

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 10th November 2019, revised 8th January 2020, accepted 18th January 2020

Pengenalan

Pembelajaran bahasa boleh berlaku melalui kedua-dua pengajaran langsung yang eksplisit mengenai peraturan dan kelaziman penggunaan bahasa serta pendedahan kepada situasi dan sekitaran yang autentik bahasa sasaran yang digunakan (Memupuk pelajar aktif dan pengguna cekap: 2010 Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda, 2011)¹. Meskipun pengajaran bahasa melalui penggunaan bahan-bahan pengajaran adalah penting, penggunaan bahasa secara autentik oleh para pelajar turut diperlukan dalam pembangunan bahasa. Pelajar mesti ekspresif dalam kemahiran komunikasi dan menulis di samping menguasai kemahiran mendengar dan membaca. Para pelajar akan memberikan tumpuan kepada apa yang didengar dan dibaca, dan memproses apa yang diajarkan kepada mereka dengan lebih bermakna sekiranya diajar secara aktif dan interaktif dalam pelbagai latar kehidupan sebenar.

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, kita menyaksikan satu anjakan paradigma dalam teori-teori pembelajaran bahasa daripada pendekatan behaviorisme kepada pendekatan komunikatif, konteks dan membina. Penekanan yang lebih besar diletakkan terhadap penggunaan bahasa dalam situasi yang autentik. Para cendekiawan yang berpegang pada pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa telah menyokong penggunaan audio dan visual serta pendekatan menawarkan pilihan dalam pembelajaran pelajar untuk menggalakkan aktiviti interaktif dan produktif. Penggunaan alat-alat dan wadah Teknologi Maklumat dan Komunikasi

(ICT) menekankan penerapan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah, satu anjakan daripada bentuk pembelajaran yang berpusatkan guru kepada bentuk pembelajaran yang berpusatkan pelajar serta mengubah pelajar daripada penerima pengetahuan yang pasif kepada pembina pengetahuan aktif.

Guru, daripada itu, harus memanfaatkan kebiasaan dan kekerapan penggunaan komputer dalam kalangan pelajar bagi pembelajaran Bahasa Ibunda. Hal ini didukung tinjauan pada tahun 2010 yang menekankan kecenderungan para pelajar untuk menggunakan komputer dan ICT untuk mempelajari Bahasa Ibunda (Memupuk pelajar aktif dan pengguna cekap: 2010 Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda, 2011)¹. Hal ini disebabkan ICT membuka peluang-peluang baharu seperti penggunaan kandungan yang interaktif, tugas individu, dan penyediaan pelbagai bahan dan aktiviti untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar. Tambahan pula, ICT boleh membantu guru untuk membimbing semua pelajar.

Sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu (BM) secara interaktif, inovatif, kreatif dan dengan tahap keyakinan yang tinggi, Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Ping Yi telah menggunakan kaedah ‘Rambat Pendapat’ (RP), sebuah konsep pembelajaran sendiri. Pelajar akan melalui beberapa proses pembelajaran secara sendiri dalam mengumpulkan kosa kata berdasarkan tema perbincangan melalui video atau artikel yang dicari. Setelah itu, pelajar akan diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka mengenai isu-isu yang ditimbulkan melalui wadah perbincangan dalam talian. Kemudian, mereka akan merambat pendapat teman-teman dengan menggunakan dadu yang mengandungi sama ada soalan mahupun pemula ayat.

Pernyataan Masalah

Pelajar-pelajar BM lazimnya menunjukkan kurang keyakinan dalam menyampaikan pendapat mereka mengenai isu-isu yang diketengahkan. Hal ini menyebabkan kurang kemampuan mereka dalam memberikan pandangan yang bernas, matang dan padat dengan isi-isi yang relevan dengan penguasaan bahasa yang memuaskan. Salah satu perkara yang boleh menjadi punca ketidakmampuan ini mungkin berpangkal daripada kekurangan koleksi kosa kata yang bertepatan yang dapat digunakan dalam konteks perbualan.

Para pelajar didapati menghadapi masalah mengungkapkan pemikiran dan pandangan yang kreatif dengan menggunakan BM dengan berkesan. Para pelajar juga menggambarkan ketidakupayaan mereka untuk melahirkan pandangan yang kritis dengan menggunakan BM yang baik dalam wacana lisan dan tulisan. Para pelajar kurang mengaplikasikan pemikiran kritis dan kreatif dalam bentuk-bentuk lisan dan tulisan mereka dalam pembelajaran BM.

Beberapa kajian telah dilakukan untuk menunjukkan bahawa kaedah pengajaran Bahasa Ibunda perlu direka bentuk dan diajarkan untuk membina pengguna yang cekap yang boleh berkomunikasi dengan efektif menggunakan bahasa dalam konteks kehidupan sebenar. Tujuan utama pendidikan Bahasa Ibunda adalah untuk memperkukuh kemahiran berkomunikasi generasi muda kita, memupuk kesedaran dan penghayatan budaya atau persekitaran sosial agar mereka lebih memahami dan menghayati warisan budaya serta mempertingkatkan kesedaran sosial.

Hasil utama yang dikehendaki adalah para pelajar kita boleh berfikir secara kritis dan menyampaikan idea dengan yakin dalam kedua-dua bentuk lisan dan tulisan. Kecekapan dalam Bahasa Ibunda dapat melengkapkan para pelajar kita dengan wahana untuk menyampaikan idea dengan jitu, lantas dapat membina keyakinan diri. Hal ini merupakan kecekapan abad ke-21 yang penting dan kecekapan ini akan memberi warga kita kelebihan bersaing dalam dunia global (Lemke, 2002)².

Kendatipun beberapa kajian menekankan manfaat-manfaat alat dan wadah ICT serta pendekatan menawarkan pilihan kepada pembelajaran dan pencapaian pelajar, para pendidik masih kurang berpengetahuan tentang bagaimana penggunaan alat dan wadah ICT serta pendekatan menawarkan pilihan boleh menyokong keperluan untuk menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, memperkaya dan kondusif. Dalam kajian ini, guru pengkaji meneroka bagaimana alat dan wadah teknologi seperti *Padlet*, *Tricider*, *Youtube* dan *Google Classroom* sebagai wadah utama dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran. ‘Rambat Pendapat’ ini memainkan peranan yang penting dalam membawa perubahan kepada pengajaran dan pembelajaran BM di dalam bilik darjah bagi memupuk pembangunan kemahiran abad ke-21 pelajar. Guru pengkaji mengemukakan soalan-soalan kajian seperti yang berikut:

1. Bagaimanakah penggunaan alat dan wadah ICT dapat menyokong untuk membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan memberangsangkan?
2. Adakah ICT membantu dalam mereka bentuk tugas bahasa dan aktiviti yang menggalakkan komunikasi yang berkesan dan bermakna?
3. Bagaimanakah pendekatan menawarkan pilihan kepada pembelajaran pelajar dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dan motivasi intrinsik pelajar?

Kajian lalu mengenai peranan ICT dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan kita untuk mengharapkan beberapa perbezaan dalam data empirikal yang menyokong sifat soalan-soalan kajian.

Justeru, guru pengkaji berhemat bahawa kajian ini relevan, penting dan berguna dalam pengajaran dan pembelajaran BM kerana guru pengkaji ingin mengenal pasti punca masalah dan mencari jalan penyelesaian bagi permasalahan yang diketengahkan. Kajian ini juga dapat membantu guru dalam melakarkan strategi bagi menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif dalam pembelajaran BM. Kajian ini juga sekali gus diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran BM di bilik darjah.

Tujuan Kajian

Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Ping Yi menitikberatkan keperluan para guru untuk sama-sama membimbing para pelajar menjadi pengguna bahasa yang cekap dan dapat berkomunikasi dengan yakin, efektif dan bermakna dalam situasi kehidupan sebenar.

Matlamat utama kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji sejauh manakah keberkesanan penggunaan bahan audio dan visual yang berkait rapat dengan isu yang autentik; dan

2. Meneliti sejauhmana pendekatan menawarkan pilihan dalam pembelajaran pelajar dapat merangsang pelajar berkomunikasi secara efektif, meningkatkan pengetahuan dan sekaligus meningkatkan motivasi intrinsik pelajar.

Kajian Lepas

Menurut *Learning to Choose, Choosing to Learn* (Mike Anderson, 2016)³ guru boleh meningkatkan motivasi intrinsik pelajar dengan menawarkannya pilihan dalam pembelajarannya. Manfaat yang boleh diraih melalui pendekatan ini ialah seseorang pelajar tidak mendapati sesuatu pelajaran itu membosankan ataupun susah sehingga dia tidak mahu mencubanya langsung. Satu contoh yang diberikan daripada hasil pemerhatian yang dilakukan di sebuah sekolah menunjukkan bahawa jika pelajar diberikan pilihan, mereka bukan sahaja dapat menyelesaikan sesuatu masalah atau soalan yang dipilih, malah mereka juga akan membantu rakan-rakan yang memilih soalan lain. Satu sesi kelas kimia telah dijalankan tentang Teori Gas Ideal dan guru telah mengajar mereka selama sepuluh minit. Kini, mereka harus menjawab soalan-soalan dengan menggunakan teori tersebut. Guru menyediakan pelbagai soalan yang mempunyai darjah kesukaran yang berbeza, di mana pelajar dikehendaki memilih soalan yang mahu dijawab. Melalui aktiviti ini, Anderson (2016)³ mendapati bahawa pelajar dapat menjawab soalan yang dipilih mereka. Bukan itu sahaja, mereka saling menyokong dan menolong rakan-rakan yang lain. Lantas, ini membantu mereka meningkatkan pengetahuan mereka melalui kerjasama dengan rakan.

Parker dan Hess (2001)⁴ menganggap perbincangan sebagai suatu aktiviti bermakna kerana aktiviti ini menyumbang kepada pembangunan ilmu dalam sesebuah komuniti penyelidikan atau pertanyaan (*community of inquiry*). Perbincangan boleh meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi-isi penting dan mengasah kemahiran dalam berfikir secara kritis. Selain itu, perbincangan juga dapat membina sifat toleransi terhadap kepelbagaian dan menggalakkan tingkah laku yang positif (Hess, 2008)⁵. Topik-topik yang paling sesuai dibincangkan berkenaan dengan nilai moral, sikap, perasaan dan kesedaran tentang sesuatu isu yang akan memberikan pelajar peluang untuknya membentuk pendapatnya. Hasilnya, pendapat-pendapat pelajar ini akan memperkaya sesi perbincangan tersebut (Petty, 2009)⁶.

Ritchhart dan Perkins (2008)⁷ memperkenalkan dua rutin berfikir dalam kajian mereka, '*Thinking Routines Making Thinking Visible*'. '*See Think Wonder*' dan '*Circle of Viewpoints*' diketengahkan sebagai alat dan struktur untuk pelajar berfikir serta sebagai corak tingkah laku melalui penggunaan berulang-ulang. Rutin ini dapat membantu pelajar mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka. Selain itu, kaedah ini juga dapat membina keupayaan pelajar berfikir dan belajar sekali gus meningkatkan pembelajaran pelajar melalui pemahaman kandungan yang lebih mendalam. Di samping itu, teknik ini juga dapat membina kecenderungan dan sikap pelajar terhadap keupayaan berfikir serta membina budaya berfikir di dalam kelas.

Talbot (1981)⁸ mengesyorkan penggunaan bahan audio-visual dalam merangsang pelajar untuk berkomunikasi secara efektif. Salah satu cara yang disarankan adalah dengan memberikan mereka pelbagai situasi yang menarik terutama sekali yang berbentuk masalah untuk mendorong mereka untuk meluahkan pandangan mereka. Interaksi yang lancar seringkali terjadi sekiranya pelajar berasa sesuatu isu atau permasalahan itu mempunyai kaitan emosi atau benar-benar relevan dengannya. Oleh demikian, dalam hal ini, guru berperanan sebagai konsultan dan pembelajaran

dilakukan melalui interaksi antara para pelajar. Pelbagai jenis media boleh digunakan untuk meningkatkan motivasi pelajar lantas mengurangkan masalah kebosanan dalam kalangan mereka.

Secara keseluruhan, sebagai respons kepada soalan-soalan kajian yang dinyatakan dalam bahagian pernyataan masalah, seakan ada persamaan atau persetujuan pada sifat soalan-soalan kajian yang sedang ditangani. Kajian literatur yang dibincangkan di atas mencadangkan bahawa kemahiran lisan boleh dipertingkatkan melalui pelbagai cara dan wadah. Guru pula kurang memainkan peranan sebagai ‘penyedia ilmu’. Sebaliknya, guru membimbing para pelajar menerusi strategi berfikir dan bertanya, kemudian pelajar digalakkan saling berbincang bagi mewujudkan suatu suasana pembelajaran yang berkesan terutama sekali dalam kemahiran lisan. Dalam mereka bentuk tugas bahasa dan aktiviti untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan bahasa dan kemahiran yang diperlukan untuk komunikasi yang berkesan dan bermakna, guru digalakkan menggunakan situasi dan konteks yang autentik dan juga bahan-bahan asli untuk menyediakan konteks dunia sebenar, memastikan kesesuaian serta membolehkan pelajar-pelajar kita untuk menjadi pelajar yang aktif dan pengguna mahir dalam Bahasa Ibunda.

Natijahnya, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan penggunaan BM dalam suasana yang interaktif, inovatif dan dengan tahap keyakinan yang tinggi melalui alat dan wadah ICT serta pendekatan menawarkan pilihan kerana ICT menyediakan landasan yang lebih luas bagi pembelajaran yang lebih interaktif melalui pelbagai maklumat dan kandungan yang mudah diakses serta pelbagai alat dan wadah ICT yang sedia ada.

Kaedah Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk menggunakan bahasa bagi tujuan autentik. Kaedah kajian ini mengambil kira aspek-aspek Amalan Pengajaran Singapura dalam menyelesaikan permasalahan yang diketengahkan. Selain itu, guru pengkaji juga ingin mengkaji sejauh manakah pendekatan ‘*Thinking Routines for Making Thinking Visible*’, yakni ‘*See Think Wonder*’ dan ‘*Circle of Viewpoints*’ yang disarankan oleh Harvard’s Project Zero dan Ron Ritchhart dan David Perkins (2008)⁷ dapat melahirkan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar.

Desain Kajian

Guru pengkaji menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk menangani soalan kajian yang berbeza supaya pemahaman dan huraian kajian yang lebih lengkap boleh diperoleh. Penyelidik mengumpulkan kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif secara serentak. Kemudian, kedua-dua data digabungkan untuk memahami permasalahan kajian. Penyelidik menganalisis kedua-dua data secara berasingan dan kemudian membandingkan dapatan kajian. Akhir sekali, penyelidik membuat tafsiran jika dapatan kajian menyokong antara satu sama lain.

Rancangan Pengajaran

Rambat Pendapat, Bukan Sebarang Pendapat

Jadual 1

Rancangan Pengajaran

Jangka masa	Objektif Pengajaran	Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
5 waktu	Meningkatkan kesedaran mengenai beberapa isu yang berlaku dalam masyarakat	<p><u>Pelaksanaan Pelajaran</u></p> <p>Pelajar diberikan beberapa tema Pelajar dikehendaki untuk mencari video-video dari Youtube yang dapat memaparkan isu-isu yang berkaitan dengan tema yang menjadi tumpuan Pelajar diberi ruang untuk membuat pembentangan Dalam pembentangan mereka, mereka perlu menyampaikan respons berdasarkan soalan-soalan rangsangan yang berikut: Apakah isu yang menjadi tumpuan dalam video ini? Siapakah yang menjadi fokus dalam isu/permasalahan ini? Mengapakah isu ini perlu menjadi perhatian/menarik perhatian anda? Bagaimanakah kita boleh mengatasi/ menghadapi/ isu atau permasalahan ini? Apakah kesan daripada isu/permasalahan ini kepada masyarakat secara umumnya?</p>	<p>AP13: Mengaktifkan pengetahuan sedia ada</p> <p>AP19: Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif</p> <p>AP16: Menggunakan Fleksibiliti</p>	<p>AM4: STAR</p> <p>AM5: Mencari Informasi (Scouting for Information)</p> <p>AM1: Memberikan respons yang tepat dan sesuai</p> <p>AM2: Memberikan tahap perancah yang diperlukan</p> <p>AM3: Memberikan mutu respons yang baik</p>
3 waktu	Menggalakkan pembelajaran sendiri Meningkatkan keupayaan pelajar untuk meneliti dan	<p><u>Penilaian dan Maklum Balas</u></p> <p>Menggunakan Google Classroom sebagai wadah perbincangan Pelajar diberikan sebuah scenario yang mengandungi beberapa isu</p>	<p>AP23: Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri</p>	<p>AM3: Main Peranan</p>

	<p>menganalisa isu/permasalahan</p> <p>Mengambil sudut pandangan dalam memberi respons</p>	<p>Pelajar dikehendaki untuk membaca, meneliti dan menganalisa permasalahan yang dapat timbul daripada senario yang diberikan</p> <p>Pelajar dikehendaki untuk memberi respons/pendapat mengenai isu yang timbul daripada beberapa sudut pandangan (Circle of Viewpoints)</p> <p>Pelajar dibenarkan untuk membaca pendapat/pandangan teman-teman dan memberi komentar /rembat pendapat</p> <p>Ada struktur yang jelas bagi pelajar ikuti dalam memberi respons dalam talian</p>		<p>AM4: Perbincangan Forum Dalam Talian Berstruktur</p>
2 waktu	<p>Merembat pendapat mereka secara verbal dan berhemah mengenai isu yang dibincangkan dalam talian</p>	<p><u>Pelaksanaan Pelajaran</u></p> <p><u>Rembat Pendapat Secara Verbal</u></p> <p>Pelajar dikehendaki untuk duduk dalam bulatan</p> <p>Beberapa adab perbualan ditetapkan semasa sesi Bulatan Masa</p> <p>Setiap pelajar perlu menyuarakan pandangan mengenai isu yang dibincangkan</p> <p>Pelajar diberikan dadu sebagai pencetus untuk meluahkan buah fikiran mereka mengenai isu yang dibincangkan</p> <p>Pada dadu itu, terdapat beberapa pemula ayat: Saya setuju/tidak setuju... Sebenarnya... Pada pandangan saya..</p> <p>Pada sesi pertama bulatan masa, pelajar akan membincangkan mengenai permasalahan yang timbul daripada senario yang diberikan secara literal. Pelajar akan menjawab persoalan; Wajarkah tindakan ...?</p> <p>Perbincangan akan dipertingkat ke tahap yang lebih tinggi. Pelajar dikehendaki untuk mengenal pasti isu-isu yang boleh diketengahkan hasil daripada perbincangan masalah-masalah yang timbul daripada senario yang diberikan</p>	<p>AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar</p>	<p>AM1: Memberikan respons yang tepat dan sesuai</p> <p>AM2: Memberikan tahap perancah yang diperlukan</p> <p>AM3: Memberikan mutu respons yang baik</p> <p>AM4: Meneliti tingkah laku pelajar semasa memberikan respons (atau tidak memberikan respons)</p>

1 waktu	Membuat rumusan mengenai perbincangan yang telah dilakukan secara dalam talian dan verbal. Pelajar seharusnya dapat mengenal pasti dan menghuraikan isu-isu yang dibincangkan dengan lebih terperinci dalam kedua-dua bentuk penulisan dan lisan	<u>Penilaian dan Maklum Balas</u> Pelajar dikehendaki untuk menjawab dua soalan utama yang telah disediakan di wadah Google Classroom sebagai rumusan. Menyatakan isu-isu yang telah timbul. Menghuraikan setiap isu dengan isi-isi yang padat; mengikut struktur PEEL	AP 24: Menyediakan tugas yang bermakna	AM 2: Menerangkan pemikiran saya dengan menjawab soalan dua bahagian
---------	--	--	---	---

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 7 orang pelajar Menengah 3 Ekspres dan 4 orang pelajar Menengah 3 Normal Akademik yang merupakan Kumpulan Berasaskan Subjek (SBB), mengambil BM aliran Ekspres. Mereka terdiri daripada para pelajar yang berbeza kemahiran, latar belakang dan stail pembelajaran. Tiga daripada mereka fasih dan selesa menggunakan bahasa Melayu manakala yang lain lebih fasih berbahasa Inggeris dan tidak yakin menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan dan pertuturan.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, beberapa instrumen kajian yang telah digunakan adalah seperti yang berikut:

- i) penyampaian pelajar dalam pembentangan video dan artikel mereka
- ii) respons pelajar melalui wadah ICT
- iii) borang penilaian sendiri
- iv) borang refleksi pelajar

Prosedur Kajian

Pelajar-pelajar yang dijadikan sebagai subjek kajian diberitahu bahawa mereka akan terlibat dalam satu proses pembelajaran yang berkait rapat dengan aspek lisan. Mereka diberikan penerangan tentang matlamat pembelajaran dan instrumen-instrumen kajian yang akan digunakan untuk menilai keberkesanan projek ini.

Matlamat pembelajaran adalah untuk memperbaiki kemahiran lisan dan penulisan pelajar, khususnya dalam aspek karangan ekspositori. Di samping itu, guru pengkaji juga ingin mempromosi pembelajaran yang autentik dengan menggunakan penilaian dalam pembelajaran dan menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Guru pengkaji

juga ingin menggalakkan kerja berkumpulan dan kolaborasi supaya pelajar dapat belajar daripada satu sama lain.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kekuatan Idea / Konsep / Teori

Pengkaji berjaya menjalankan aktiviti pembelajaran ini kerana kaedah yang diaplikasikan yakni Rembat Pendapat bermanfaat kepada para pelajar. Melalui analisis proses perbincangan yang dikendalikan secara bertahap dan maklum balas yang diberikan oleh guru pengkaji serta rakan-rakan sekelas, para pelajar menjadi yakin dan dapat berkomunikasi dengan lebih baik dan kreatif. Selain itu, perbincangan di dalam kelas dan aktiviti mengkritik kerja rakan-rakan sekelas menggalakkan kemahiran berkomunikasi yang lebih baik dan kritikan yang membina. Tambahan pula, soalan-soalan yang diajukan oleh guru pengkaji juga menggalakkan komunikasi daripada memberikan respons, berbincang atau berbahas serta meningkatkan pemikiran secara bebas untuk menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar.

Kaedah perbincangan dalam sesi Bulatan Masa juga telah memaksa para pelajar keluar dari zon keselesaan mereka. Mereka juga belajar cara-cara untuk berkolaborasi dengan rakan-rakan daripada pelbagai latar belakang akademik. Lantas, ia merupakan latihan yang baik untuk situasi mana yang mungkin mereka menghadapi di dalam kelas bagi subjek lain. Tugasan ini juga membekalkan para pelajar dengan kemahiran menyelidik, yakni mereka perlu mengumpulkan maklumat dan mencari kepastian atau kesahihan maklumat yang diperolehi serta menggunakan pelbagai teknik untuk menyoal, menjelaskan permasalahan. Para pelajar juga membuat refleksi terhadap proses yang diambil serta membuat penilaian dan perubahan yang wajar. Di samping itu, pelajar juga dilengkapi dengan set kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif melalui penerapan 'Circle of Viewpoints' dalam aktiviti pembelajaran ini. Pelajar mengendalikan persekitaran, matlamat yang ingin dicapai, tugasan, input yang pelbagai dan mengaplikasikan kemahiran-kemahiran dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

Kekuatan Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan daripada analisis data melalui borang maklum balas pembelajaran dan borang tinjauan yang dijalankan pada akhir aktiviti ini, didapati 100% pelajar menyatakan bahawa mereka jelas tentang objektif pembelajaran dan telah mencapainya pada akhir pelajaran. 100% pelajar menyatakan bahawa tugasan yang dikendalikan juga dikatakan menarik. 100% pelajar juga berpendapat bahawa mereka digalakkan untuk mengaplikasikan pemikiran kritis dan kreatif semasa melaksanakan projek ini serta diberi peluang untuk melakukan kerja kolaboratif. 100% pelajar juga berpandangan bahawa mereka menikmati penggunaan alat ICT oleh guru dan boleh memahami penerangan guru tentang konsep pembelajaran. 100% pelajar menyatakan bahawa mereka dapat belajar pengetahuan / kemahiran / idea baharu yang diajar dan dapat mengaplikasikannya semasa mengendalikan tugasan ini.

Kekuatan Dari Segi Aplikasi Idea / Konsep / Teori

Sebagaimana yang dikemukakan dalam Hasil Pendidikan Yang Diingini (DOE), hasil utama yang dikehendaki ialah para pelajar kita boleh berfikir secara kritis dan menyampaikan idea dengan yakin dalam kedua-dua bentuk lisan dan tulisan. Kecekapan dalam Bahasa Ibunda dapat melengkapkan para pelajar kita dengan wahana untuk menyampaikan idea dengan jitu, lantas dapat membina keyakinan diri. Hal ini merupakan kecekapan abad ke-21 yang penting dan kecekapan ini akan memberi warga kita kelebihan bersaing dalam dunia global. Tambahan pula, hal ini juga boleh terdapat dalam kemahiran abad ke-21 enGauge yang menekankan Kemahiran Literasi Digital, Komunikasi yang Berkesan, Pemikiran Inventif dan Daya pengeluaran yang tinggi.²

Berdasarkan ‘*Circle of Viewpoints*’ yang dipelopori oleh *Harvard’s Project Zero* (Ron Ritchhart dan David Perkins)⁷, dapat disimpulkan bahawa penggunaan strategi ini dapat membantu pelajar mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka. Selain itu, kedua-dua strategi ini juga dapat membina keupayaan pelajar berfikir dan belajar serta meningkatkan pembelajaran pelajar melalui pemahaman kandungan yang lebih mendalam. Hal ini disebabkan pelajar lebih aktif dan lebih konfiden melibatkan diri kerana mereka mempunyai kesedaran yang lebih terhadap strategi pemikiran yang boleh digunakan. Di samping itu, strategi ini mampu menjadi alat dan struktur untuk mencorak pemikiran dan tingkah laku pelajar kerana digunakan berulang kali. Inisiatif untuk menggunakan strategi ini juga saling melengkapi penggunaan Penilaian Formatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru dapat menilai pemahaman pelajar dengan lebih tepat melalui interaktif rutin pemikiran yang berkualiti dan amalan dokumentasi. Cara ini meningkatkan penggunaan dan teknik menyoal serta menimbulkan perbualan pelajar yang berkualiti dan maklum balas untuk guru gunakan dalam memperbaiki pengajaran.

Keterbatasan Kajian / Konsep dan Daerah yang Perlu Diperkukuh

Masa merupakan hambatan terbesar kepada guru pengkaji dalam melaksanakan pengaplikasian jalinan teori pemikiran kreatif dan kritis memandangkan terdapat pelbagai aktiviti sekolah selain ujian bulanan yang harus dijalankan sewaktu kurikulum BM pada minggu 8- 10 penggal akhir 2018 dan minggu pertama penggal pertama pada tahun 2019 di sekolah.

Kesimpulan

Kaedah Rembat Pendapat sebagai wadah perbincangan merupakan suatu kaedah yang ternyata dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam bertutur dengan lebih berkesan. Untuk tujuan penegasan, kaedah pembelajaran seperti ini digunakan secara jelas sebagai komitmen yang bersungguh-sungguh oleh pihak pendidik untuk menunjukkan keyakinan dan kesungguhan guru pengkaji dalam mencari kepelbagaian dan variasi dalam kaedah pengajaran bahasa dan budaya Melayu.

Penggunaan strategi *Circle of Viewpoints* juga membantu pelajar memahami dan mendalami perspektif yang berbeza lantas membina mereka menjadi individu yang berfikiran luas dan terbuka. Pendekatan menawarkan pilihan kepada pembelajaran pelajar semasa melaksanakan

strategi ini juga dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dan motivasi intrinsik pelajar. Pembelajaran secara kolaboratif juga boleh dilihat melalui strategi ini. Pelajar berasa terdorong untuk menambah atau menyokong pendapat yang dikongsi oleh rakan sedarjah dengan memberikan contoh dan penjelasan yang lebih lanjut untuk mengukuhkan idea yang diberikan. Pendapat mereka juga tidak terbatas kepada pendapat yang berbentuk *moral reasoning* atau penaakulan moral yang fokus kepada penilaian sesuatu tingkah laku itu sama ada salah atau betul.

Tambahan pula, memang tidak dapat dinafikan bahawa para pelajar kini semakin bijak komputer dan cenderung menggunakan ICT untuk mempelajari BM. Justeru, guru seharusnya mengambil kesempatan daripada kebiasaan dan kekerapan penggunaan ICT dalam kalangan pelajar untuk kepentingan pembelajaran BM. Penggunaan komputer dan sumber Internet membolehkan lebih banyak interaksi antara pelajar dengan guru. Di samping itu, penggunaan teknologi baharu seperti apa yang ditawarkan dalam *Google Classroom* menggalakkan pembelajaran berarah sendiri dan melatih pelajar menjadi lebih berdikari sekali gus merupakan kemahiran yang diperlukan pada masa hadapan.

Justeru, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan ICT dapat menyokong untuk membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan memberangsangkan serta ICT juga dapat membantu dalam mereka bentuk tugas bahasa dan aktiviti yang menggalakkan komunikasi yang berkesan dan bermakna. Dapatan ini sememangnya bertepatan dengan apa yang terdapat dalam Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda¹. Maka itu, sebagai guru, kita perlu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran BM di bilik darjah serta mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu yang secara baik, menyeluruh dan tekal.

Nota:

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Cikgu Azizah Bte Abdul Rahim
2. Cikgu Mohd Ghazali Bin Ibrahim

RUJUKAN

1. *Memupuk pelajar aktif dan pengguna cekap : 2010 Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda*. (2011). Singapura: Kementerian Pendidikan Singapura.
2. Lemke, C. (2002). *enGauge 21st Century Skills: Digital Literacies for a Digital Age*. Illinois: North Central Regional Educational Laboratory.
3. Anderson, M (2016). *Learning to Choose, Choosing to Learn*. Alexandria: ASCD.
4. Parker, W. C. & Hess, D. (2001). Teaching with and for discussion. *Teaching and Teacher Education*, 17, 273- 289.
5. Hess, D. E. (2008). Controversial issues and democratic discourse. In L. S. Levstik dan C. A. Tyson (Eds.). *Handbook of research in social studies education* (pp.124-136). New York: Routledge.
6. Petty, G. (2009). *Teaching today: A practical guide* (4th ed). United Kingdom: Nelson Thomas.

7. Ron Ritchhart & David Perkins. (2008). Making Thinking Visible: Teaching Students to Think. *Educational Leadership*, 65(5), 57-61
8. Talbot, D.C (1981). The use of audio and visual materials to stimulate oral communication. *Teaching and Learning*, 2(1), 42-44.